



# PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Sistem Perolehan Elektronik PERKESO

5

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dan berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial melalui [www.sennego.com](http://www.sennego.com) bagi melaksanakan perolehan berikut :

TAJUK PEROLEHAN	NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
PERMOHONAN SEBUTHARGA PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN VEST KESELAMATAN BAGI KERJASAMA DALAM OPERASI PEMERIKSAAN ANTARA PERKESO DAN JABATAN TENAGA KERJA	KP.PERKESO 03/2023	020801 DAN 222401	24/05/2023 09:00 pagi	29/05/2023, 10:30 AM  Taklimat Sebut Harga akan di adakan secara online melalui aplikasi Microsoft Teams. Kehadiran adalah diwajibkan. Sila sahkan kehadiran tuan/puan mulai mulai (24/05/2023 - 26/05/2023) (selewat-lewatnya jam 2.00 petang) melalui pautan berikut : <a href="https://forms.office.com/r/cahE7cTy81">https://forms.office.com/r/cahE7cTy81</a>	06/06/2023 12:00 tengahari	50.00

1. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (*online*). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada [speedhelpdesk@commercedc.com.my](mailto:speedhelpdesk@commercedc.com.my).
2. Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada PERKESO secara emel atau hadir ke Ibu Pejabat PERKESO untuk mengakses sistem dan memuat turun dokumen dan membeli dokumen Sebut Harga.
3. Nombor pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat melalui Nombor Akaun Maybank 564016400646 atau Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau Cek Persendirian/Syarikat tidak akan diterima.
4. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen Sebut Harga melalui web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) mulai 29/05/2023 hingga 06/06/2023.
5. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen Sebut Harga secara manual dan melalui atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
6. Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN** (sekiranya ada). Hanya Penama dalam sijil KKM sahaja dibenarkan hadir. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani Penama yang diberi kuasa, jika Penama tidak dapat hadir.
7. **PERKESO** tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran Sebut Harga yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan Sebut Harga dan keputusan adalah muktamad.
8. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap *invois*.
9. Bagi serahan secara manual, dokumen tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan dicatatkan No. Rujukan, Tajuk Perolehan dan No. Pin Pembekal di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan seperti alamat dibawah :

Ketua Eksekutif  
Pertubuhan Keselamatan Sosial  
Bahagian Perolehan  
Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Pada atau sebelum tarikh tutup Sebut Harga jam 12:00 tengahari